

Malaysia tak akan dikuasai pelampau agama: Dr Mahathir

BH - 28/4/2005 : 9

Oleh Shamsul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Malaysia tidak akan menjadi negara Islam ekstrem atau dikuasai kumpulan pelampau agama kerana umat Islam negara ini rasional serta tidak mudah terpengaruh dengan kumpulan berkenaan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata majoriti umat Islam di negara ini tahu ajaran agama sebenar serta tidak mudah terpengaruh dengan dakwah puak pelampau agama.

"Saya fikir ada kebimbangan di kalangan orang luar terutama negara Eropah etnik yang menganggap Malaysia akan menjadi negara Islam ekstrem dengan kumpulan pelampau agama menguasai semua," katanya selepas menerima kunjungan bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana, semalam.

Kedua-dua tokoh itu berbincang hampir sejam pada pertemuan itu. Lee tiba pada jam 2.40 petang.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak fikir Malaysia menjadi negara Islam ekstrem walaupun ada kumpulan kecil yang tidak mempunyai pengetahuan tinggi mengenai agama mungkin terpengaruh dengan pelampau Islam.

Beliau berkata, pada pertemuan itu, Lee bertanya perkara itu serta kemungkinan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kembali dalam arena politik negara.

"Saya gembira melihat Lee nampaknya baik dan beliau tertarik dalam banyak perkara," katanya.

Ditanya penilaiannya berhubung kemungkinan Anwar kembali, Dr Mahathir berkata:

"Saya fikir dia masih ada kapasiti untuk menimbulkan masalah jika kembali tetapi saya ragu sama ada Anwar dapat mencari laluan (ke arah itu)."

Ditanya apakah kemunculan semula Anwar menjadi ancaman kepada negara, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu tetapi sudah ada keraguan mengenai kemungkinan bekas Timbalan Perdana Menteri itu berbuat demikian.

"Saya tidak tahu mengenai itu (ancaman atau tidak) tapi sudah ada keraguan mengenainya. Saya hanya memberi pandangan dan Lee beritahu beliau sudah bertemu media yang mendakwa Anwar mungkin ada harapan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Lee juga bertanya pandangannya mengenai kerajaan baru sekarang.

"Saya menjelaskan kepada Lee apabila berundur saya berjanji kepada diri sendiri saya tidak akan campur tangan dengan kerajaan dan saya tidak mahu memberi pandangan.

"Saya tidak mahu dilihat sebagai orang menghalang kerajaan dalam apa saja perkara yang kerajaan mahu lakukan. Lee mahu saya beri pandangan tetapi minta maaf, saya tidak memberi sebarang jawapan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau dan Lee tidak berbincang mengenai hubungan dua hala kerajaan sekarang



DR MAHATHIR berbincang dengan Lee pada pertemuan di Putrajaya, semalam. - Gambar Reuters

atau sebarang isu berbangkit.

Bagaimanapun, ketika ditanya penilaiannya terhadap hubungan dua hala Malaysia-Singapura, beliau berkata: "Nampaknya amat baik."

Ditanya sama ada Lee masih individu yang dikenalnya sejak dulu, Dr

Mahathir berkata: "Saya tidak memberi komen peribadi."

Dr Mahathir berkata, beliau dan Lee berbincang mengenai perkara lain termasuk zaman silam dan bagaimana menulis sebuah memoir.

"Lee beritahu saya bagaimana be-

liau menulis memoir dan bagaimana George Bush dan Collin Powell lakukan. Saya jelaskan kepada Lee bahawa saya agak lambat. Saya menulis *long hand* dan diganggu pula dengan keperluan menulis ucapan untuk jemputan yang diterima," katanya.